

# Akademik, sahsiah bentuk insan unggul

**T**ITAH Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah bahawa ramai yang memperoleh pangkat dan jawatan, namun sedikit berjaya menghadapi ujian untuk meninggalkan nama yang harus sepanjang zaman, perlu direnungkan bersama.

Untuk meninggalkan nama yang bakal dikenang sepanjang masa atas usaha mulia memerlukan pengorbanan yang bukan sedikit. Ia bukan boleh dilalui tanpa banyak onak dan ranjau. Ketabahan dan jati diri yang kuat amat diperlukan. Tuntutan persekitaran ada kala boleh melenturkan nilai sahsiah seseorang, apatah lagi apabila kuasa sudah berada di dalam tangan.

Sewajarnya nilai sahsiah ditanam dan diamalkan ketika kecil lagi menerusi sistem pendidikan, keluarga dan masyarakat berintegriti dan beramanah.

Keperluan mengamalkan budi pekerti yang tinggi, sentiasa menghori-

mati insan lain dan bersikap terbuka untuk mendengar pandangan orang lain adalah antara nilai sahsiah yang wajar ditanam setiap individu.

Dalam melahirkan keseimbangan nilai sahsiah dan akademik, pembangunan modal insan amat penting. Justeru, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mencetuskan revolusi idea dalam memberi penekanan usaha membangunkan modal insan sebagai landasan kecemerlangan generasi akan datang.

Menerusi pembangunan modal insan, negara sentiasa berusaha menyediakan tenaga kerja berbilang berbekalkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.

Keseimbangan nilai sahsiah dan akademik dapat melahirkan modal insan untuk melahirkan individu yang mempunyai ciri-ciri seperti berilmu, berkeyakinan, mampu nilai murni dan

moral yang tinggi. Di samping itu, ia juga akan melahirkan insan berciri mulia seperti beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, dan kreatif.

Tidak ketinggalan juga keseimbangan antara nilai akademik dan sahsiah diharapkan dapat melahirkan insan sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing. Inilah modal insan yang memiliki personaliti unggul. Merekalah yang akan menentukan hala tuju negara pada masa depan.

Pada zaman di mana tuntutan kejayaan akademik menjadi fokus ibu bapa, penting sekali orang tua dan guru dapat mengimbangkan pencapaian akademik dan sahsiah supaya dapat melahirkan individu yang holistik.

Jelas, mengimbangi nilai akademik dan sahsiah bukanlah satu perkara mudah dilakukan tanpa ada kekuatan dalaman dan jati diri tinggi. Kedua-

dua nilai ini, jika tidak diadun dan diseimbangkan dengan baik boleh saja menyebabkan individu melakukan perbuatan yang dilarang dari segi undang-undang dan agama.

Bukanlah sesuatu luar biasa untuk kita melihat bagaimana kuasa dan pangkat diamankan jika tidak diamalkan dengan ikhlas, amanah dan bertanggungjawab boleh merosakkan integriti dan kredibiliti seseorang.

Kuasa dan pangkat datang bersama-sama ujian dan cabaran. Begitu juga penilaian atas setakat mana individu yang diamankan dengan kuasa dan pangkat dapat dilaksanakan seperti diinginkan.

Ujian, cabaran dan penilaian ini jika dapat dilalui dengan baik boleh dimanfaatkan untuk kegemilangan individu, masyarakat, bangsa dan agama.

**DR SAPORA SIPON,**  
*Universiti Sains Islam  
Malaysia (USIM).*